

20/10/2003

Pandangan kaum Cina berubah

KUALA LUMPUR: Sebelum Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri pada 1981, musuh-musuh politik melabelkan beliau sebagai 'pelampau Melayu' dan 'anti Cina.'

Tetapi selepas 22 tahun menerajui tampuk kepimpinan negara dan ketika Dr Mahathir membuat persediaan untuk bersara hujung bulan ini, pandangan sebahagian besar masyarakat Cina terhadap Perdana Menteri telah berubah.

Profesor Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim dari Jabatan Sejarah Universiti Malaya, mengakui apabila Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri keempat, orang bukan Melayu berasa bimbang bahawa orang Melayu akan mengambil alih kepentingan ekonomi mereka.

"Tetapi itu semuanya dilupakan menjelang 1990-an apabila ledakan ekonomi berlaku atas usaha besar Dr Mahathir membawa kemajuan dan perubahan ke arah Wawasan 2020," kata ahli sejarah itu.

Dalam tempoh 100 hari pertamanya memegang jawatan perdana menteri, Dr Mahathir menemui pelbagai lapisan masyarakat Cina termasuk menjadi hos kepada lawatan Perdana Menteri China, Zhao Ziyang.

Dr Mahathir juga menghadiri jamuan malam yang dianjurkan MCA sempena pelantikannya dan kemudian melancarkan ulang tahun Dewan Perhimpunan Cina ke-58 dan sambutan Hari Kebangsaan.

Pada majlis itu, beliau berjanji mengadakan lebih banyak dialog dengan rakyat dan meminta mereka terus menyuarakan pendapat mengenai masalah negara.

Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Bersatu Cina Malaysia (ACCCIM), Tan Sri William Cheng pula berkata masyarakat peniaga Cina mula mengenali Dr Mahathir sejak beliau menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian.